



## Keperkasaan pekebun kecil kelapa sawit Bidayuh: Kajian kes di Daerah Serian, Sarawak

Novel Lyndon<sup>1</sup>, Nurmahfuzah Razak<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Novel Lyndon (email: novel@ukm.edu.my)

### Abstrak

Pemeriksaan wujud dan diserapkan dalam diri manusia sebagai dorongan untuk memperbaiki diri mereka melalui potensi, pertumbuhan kekuasaan dan autoriti yang dimiliki. Kejayaan pemeriksaan akan meningkatkan daya saing dan mengurangkan tahap kebergantungan komuniti dan individu terhadap kerajaan. Justeru itu, objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti peranan MPOB (Malaysia Palm Oil Board) sebagai agensi pembangunan yang bertanggungjawab memperkasakan komuniti Bidayuh luar bandar dan jenis-jenis keperkasaan yang telah terhasil dalam komuniti Bidayuh luar bandar. Kajian ini menggunakan paradigma penyelidikan fenomenologi yang memfokuskan kepada pemahaman dan penceritaan 16 orang pekebun kecil komuniti Bidayuh luar bandar di Daerah Serian, Sarawak tentang bagaimana keperkasaan mereka terhasil. Sampel kajian ini dipilih menggunakan pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Hasil kajian mendapati peranan MPOB terdiri daripada perkongsian maklumat berkenaan tanaman kelapa sawit, bantuan teknikal, khidmat nasihat dan kepakaran, menyediakan bantuan biji benih, baja dan racun serta aspek pemasaran. Manakala, jenis-jenis keperkasaan yang telah terbina terdiri daripada keperkasaan individu, teknikal, komunikasi dan pemasaran hasil kelapa sawit. Kesimpulannya, pihak MPOB hanya berperanan sebagai agen dalam memperkasakan komuniti Bidayuh dalam satu struktur dan struktur ini dikawal oleh agensi melalui pendekatan atas ke bawah.

**Katakunci:** etnik Bidayuh, keperkasaan, keperkasaan atas-ke bawah, pekebun kecil, pembangunan komuniti, Sarawak

## The empowerment of the Bidayuh oil palm smallholders: A case study of the Serian District, Sarawak

### Abstract

Empowerment is an impetus for people to improve themselves through an effective exploitation of their growth and authority potentials. The success of empowerment will improve competitiveness and reduce the level of dependence of communities and individuals on state aid. This study examines the role of MPOB (Malaysian Palm Oil Board) as an agency of development that is responsible for the empowerment of the Bidayuh rural communities. It adopted a phenomenological approach that focused on understanding and storytelling of 16 Bidayuh smallholders in the District of Serian, Sarawak regarding their empowerment by the MPOB. The study found that the role of MPOB consisted of owning shares in the oil palm plantation, availing of technical assistance, marketing advisory services and expertise, seeds, fertilizers and pesticides. This means that the empowerment constructs for the Bidayuh comprised individual empowerment, and technical, communication and marketing aspects of the oil palm enterprise. In conclusion, the MPOB only acted as an agent in the structural empowerment of the Bidayuh community and this structure was controlled by the agency through a top-down mechanism.

**Keywords:** Bidayah ethnic, community development, empowerment, Sarawak, smallholders, top-down empowerment

## Pengenalan

Kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa keperkasaan komuniti dalam program pembangunan komuniti amat penting dalam usaha meningkatkan stratifikasi sosial dan sebagai landasan untuk komuniti lokal bermobiliti dari satu strata ke satu strata yang lebih tinggi (Hoque & Itohara, 2009; Touwen, 1996; Chegini, 2010). Kajian di Indonesia dan Thailand misalannya menunjukkan bahawa peranan agensi pembangunan sama ada melalui agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan syarikat swasta menggariskan penyertaan dan keperkasaan komuniti lokal sebagai agenda utama dalam program pembangunan mereka (Lely, 2013; Kelly & Vlaenderen, 1995). Justeru itu, isu utama yang hendak diberi tumpuan dalam kajian ini ialah tentang peranan yang dimainkan oleh MPOB sebagai salah satu daripada agensi kerajaan persekutuan dalam memperkasakan komuniti Bidayah sebagai pekebun kecil dalam aktiviti penanaman pokok kelapa sawit. Hal ini kerana persoalan utama yang seringkali timbul dalam membicarakan aspek keperkasaan komuniti ialah adakah keperkasaan ini dibentuk oleh agensi dalam struktur atau adakah keperkasaan ini wujud secara semulajadi dalam diri masyarakat tersebut tanpa bantuan daripada agensi. Persoalan ini selari dengan komen Giddens (1991) yang menyatakan bahawa hubungan antara agensi dan struktur adalah bergantung kepada matlamat dan kepentingan kedua-dua belah pihak kerana agensi dan struktur mempunyai pengetahuan, keperluan, kemahuan dan matlamat yang berbeza. Seterusnya, peranan pihak MPOB yang ingin diketengahkan dalam kajian merangkumi pelbagai aspek antaranya dalam bentuk bantuan kewangan, bimbingan, nasihat, suntikan ilmu pengetahuan dan perkongsian maklumat yang mungkin menjadi antara isu utama dalam kalangan komuniti Bidayah Daerah Serian yang baru mula menjinakkan diri dalam aktiviti penanaman tanaman kelapa sawit. Isu pemerksaan yang cuba dilihat dalam kajian ini ialah sejauhmanakah program-program dan bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak MPOB telah memperkasakan pekebun kecil komuniti Bidayah luar bandar dari segi sikap, pergaulan, pengetahuan, kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, pengurusan, pemasaran, teknikal dan pemikiran. Hal ini kerana rata-rata kajian lepas menyatakan bahawa jenis-jenis keperkasaan individu luar bandar boleh dibahagikan kepada empat jenis yang utama iaitu keperkasaan luaran iaitu penampilan diri, keperkasaan dalaman yang melibatkan kekuatan rohani, keperkasaan untuk meningkatkan pembangunan kapasiti individu dan yang terakhir ialah keperkasaan kolektif di mana individu mempunyai kuasa untuk menentukan hala tuju diri mereka dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan berdasarkan keperluan dan kemahuan mereka (Hoque & Itohara, 2009; Rahman & Naoroze, 2007; Chegini, 2010).

## Konsep keperkasaan dalam program pembangunan komuniti

Konsep keperkasaan berasal daripada perkataan kuasa, autonomi dan kebebasan (Burns, 2004; Friedmann, 1992; Touwen, 1996; Chegini, 2010). Pemerksaan dilihat sebagai pertumbuhan kekuasaan dan autoriti untuk tindakan yang lebih baik kepada golongan yang lemah atau miskin (Asnarulkhadi dan Fariborz, 2010; Lyndon et al. 2011). Konsep pemerksaan menumpukan kepada potensi yang dimiliki oleh setiap individu yang mana mempunyai daya untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik (Chegini, 2010; Asnarulkhadi & Fariborz, 2009). Pemerksaan wujud dalam diri manusia sebagai pendorong secara luaran yang mana bertujuan untuk memperbaiki diri melalui potensi yang dimiliki (Hoque & Itohara, 2009; Rahim & Asnarulhadi, 2012). Pemerksaan masyarakat dilihat bertujuan untuk menaikkan martabat lapisan masyarakat yang mana sebelum ini berada dalam keadaan yang lemah atau tidak mampu kepada satu tahap yang lebih baik untuk melepaskan diri daripada kancas kemiskinan dan kemunduran yang mana pemerksaan bertujuan untuk menjadikan masyarakat lebih berdikari (Lely, 2013; Kelly & Vlaenderen, 1995). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kalsom & Nor Ashikin, 2005 menyatakan

keperkasaan membawa maksud pengembangan kapasiti atau upaya yang dilihat sebagai memainkan dua peranan iaitu sebagai pendorong untuk penduduk melibatkan diri dan juga sebagai hasi penyertaan mereka. Aspek keperkasaan akan menjadi berkesan setelah wujudnya penyertaan dalam kalangan komuniti sasaran dalam program yang dianjurkan oleh pihak pentadbir yang mana penyertaan yang berkesan hanya boleh berlaku setelah penduduk diperkasakan melalui latihan, perkongsian maklumat dan perbincangan (Burns, 2004; Lavers, 2008; Craig & Mayo, 1995). Keperkasaan telah dikategorikan kepada empat jenis iaitu yang dilakukan oleh penyelidik terdahulu, antara empat aspek tersebut ialah keperkasaan ekonomi, keperkasaan sosial, keperkasaan politik dan keperkasaan psikologi (Rahman & Naoroze, 2007; Lavers, 2008; Burns, 2004).

Terdapat juga sarjana sosiologi yang menyatakan bahawa keperkasaan merujuk kepada kuasa autonomi dan kebebasan individu dalam membuat keputusan, tidak bersifat autarki dan pembelajaran berasaskan pengalaman sosial (Friedmann, 1992; Touwen, 1996). Dalam masa yang sama, Touwen (1996) juga menyatakan bahawa wujud perbezaan antara keperkasaan individu dan komuniti kerana komuniti dan individu mempunyai kemahuan dan keperluan yang berbeza. Hal ini kerana individu memberi fokus kepada aspek sosio-ekonomi dalam keluarga dan komuniti pula lebih menekankan aspek kolektif dari segi autonomi yang melibatkan aspek politik dan budaya yang akhirnya akan membentuk pertubuhan-pertubuhan dan pakatan sosial (Touwen, 1996; Scottish, 2009). Berdasarkan pendapat-pendapat ini, jelas menunjukkan bahawa keperkasaan adalah merupakan satu proses perubahan yang memberi tumpuan kepada memperluaskan rangkaian pilihan individu atau komuniti dalam membuat keputusan. Oleh itu, keperkasaan tidak boleh difahami sebagai satu dimensi tunggal dalam melihat perubahan sama ada sebagai satu proses atau hasil daripada proses tersebut. Ia sebaliknya mesti difahami dalam konteks tertentu dengan mengambil kira keperluan khusus individu yang hendak diperkasakan dan seterusnya sejauhmanakah individu tersebut mempunyai autonomi atau kebebasan dalam membuat keputusan (Scottish, 2009; Kasmel & Anderson, 2011; Lyndon et al., 2012).

## **Metodologi kajian**

Kajian ini telah menggunakan strategi penyelidikan abduktif berasaskan ontologi idealis dan epistemologi konstruksionis. Di bawah strategi penyelidikan abduktif, ahli-ahli sosiologi perlu menggunakan kemahiran yang sama seperti aktor sosial gunakan untuk memahami realiti isu yang hendak dikaji. Hal ini bertepatan dengan komen yang diberikan oleh Blaikie (2000) yang menyatakan bahawa penyelidikan tentang pemahaman atau pandangan haruslah bermula dengan menerangkan aktiviti-aktiviti pelaku dan makna sosial, dan kemudian terbit dari mereka kategori dan konsep yang boleh dijadikan sebagai asas pemahaman atau penjelasan tentang isu utama yang hendak difahami. Dalam hal ini, pendekatan kualitatif telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data yang utama. Sebanyak 16 orang pekebun kecil komuniti Bidayuh dari Kampung Tebedu Mawang, Kampung Mujat dan Kampung Mentu Pondok di Daerah Serian (sila lihat peta 1) kemudiannya telah dipilih untuk ditemubual secara mendalam dan juga secara perbincangan kumpulan terfokus. Ketiga-tiga kampung ini dipilih disebabkan kampung ini mempunyai jumlah pekebun kecil sepenuh masa yang paling ramai berbanding dengan kampung yang lain.



Rajah 1. Lokasi kajian

Kesemua informan ini merupakan penerima program bantuan daripada MPOB dan telah mengusahakan kebun kelapa sawit secara sepenuh masa. Panduan soalan seterusnya dibina dalam membantu perjalanan temubual agar tidak lari dalam mencapai objektif kajian. Teknik persampelan bukan kebarangkalian yang terdiri daripada persampelan bertujuan dan bola salji telah dipilih. Saiz tentang sampel kajian ini dicapai melalui sokongan yang berterusan terhadap ukuran atau kriteria tentang ketepuan data iaitu merujuk kepada data yang diperolehi adalah berulang-ulang dan sama. Data telah dikutip melalui temubual mendalam dan perbincangan kumpulan terfokus dengan informan selama tempoh enam bulan dengan memberi fokus terhadap bentuk bantuan yang diberi atau disalurkan oleh pihak MPOB dan jenis keperkasaan yang terhasil apabila mereka bertindak sebagai peserta dalam program anjuran MPOB sama ada dalam bentuk material atau bukan material. Kesemua transkrip ini diterjemahkan daripada Bahasa Bidayuh kepada Bahasa Melayu. Setiap transkrip kemudiannya disemak berulang kali bagi mengekalkan keaslian data dan dianalisa secara verbatim di mana satu jadual matriks dihasilkan bagi memudahkan proses tersebut. Kesemua data yang telah disusun kemudiannya dianalisa menggunakan perisian Nvivo bagi menghasilkan tema kajian.

## Hasil kajian

### *Peranan MPOB dalam memperkasakan pekebun kecil komuniti Bidayuh luar bandar*

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merupakan sebuah agensi utama kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam memberi perkhidmatan dalam industri kelapa sawit negara. Peranan utama yang dimainkan oleh pihak MPOB ialah menggalakkan dan membangunkan objektif negara, polisi dan keutamaan untuk kesejahteraan industri kelapa sawit Malaysia. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah diperbadankan dibawah Akta Parlimen (Akta 582) dan ditubuhkan pada 1 Mei 2000, mengambil alih melalui penggabungan Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) dengan Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Sawit (PORLA) yang mana pada mulanya, PORIM telah diwujudkan pada tahun 1979 di bawah Kementerian Perusahaan Utama Malaysia untuk merancang dan

melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan minyak sawit. PORLA pula terlibat dalam usaha pemasaran dan pengawalan minyak sawit. Kedua-dua organisasi yang disegani ini telah terlibat dalam industri kelapa sawit selama 20 tahun lebih dan menjadikan kedua-dua organisasi ini memberi perkhidmatan yang efektif serta memberi tumpuan yang lebih luas kepada industri sama ada pada peringkat negara atau antarabangsa yang menyebabkan MPOB telah mula ditubuhkan. MPOB mendapatkan dana utama hasil bayaran daripada proses yang dikenakan ke atas industri untuk setiap tan minyak sawit dan minyak isirong sawit yang dihasilkan. Tambahan, pihak MPOB turut menerima peruntukan belanjawan daripada pihak kerajaan untuk membiayai pembangunan projek-projek dan untuk projek-projek penyelidikan yang telah diluluskan di bawah program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (IRPA).

Visi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah untuk menjadi institusi penyelidikan dan penyelidikan yang terulung bertaraf Nobel Laureate serta menyediakan kepimpinan dan dorongan bagi perkembangan industri minyak sawit yang merangkumi pelbagai produk, nilai tambah yang tinggi, berdaya saing global dan mampan. Sementara itu, misi pihak MPOB dalam industri kelapa sawit ialah untuk memacu kemakmuran industri minyak sawit Malaysia melalui penyelidikan, pembangunan dan perkhidmatan yang cemerlang. Dalam memastikan industri kelapa sawit di negara ini terus maju dan mengalami penambahbaikan yang lebih baik, pihak MPOB mempunyai beberapa strategi yang mana antaranya ialah memperluaskan dan meningkatkan penggunaan produk kelapa sawit, mencari kegunaan baru untuk produk kelapa sawit ini, meningkatkan kecekapan pengeluaran dan kualiti produk, mengoptimalkan penggunaan tanah di kawasan ladang kelapa sawit dan menggalakkan penggunaan, kegunaan dan kebolehan pasaran produk kelapa sawit.

Pihak MPOB mempunyai tanggungjawab atau fungsi yang telah dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan dengan harapan bantuan yang diberikan ini dapat meningkatkan taraf hidup pekebun kecil luar bandar khususnya dalam kalangan Bumiputra melalui penyertaan dan keperkasaan yang optimum (Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia, 2015). Antara sumbangan dan peranan pihak MPOB dalam industri kelapa sawit di Malaysia adalah melaksanakan polisi dan program pembangunan yang berdaya saing dalam usaha memastikan daya maju industri kelapa sawit di Malaysia terus meningkat; merancang dan melaksanakan program-program latihan dan pembangunan sumber manusia selaras dengan keperluan industri kelapa sawit di Malaysia; serta memperkasakan komuniti luar bandar bukan sahaja dari aspek material tetapi juga melibatkan aspek bukan material.

#### *Jenis-jenis keperkasaan pekebun kecil komuniti Bidayuh luar bandar*

Penyertaan komuniti Bidayuh dari daerah Serian dalam aktiviti penanaman tanaman sawit telah mewujudkan keperkasaan terhadap komuniti. Keperkasaan merupakan tidakan sosial yang menggalakkan penyertaan masyarakat, organisasi dan komuniti untuk mencapai matlamat untuk meningkatkan kawalan individu dan komuniti, keberkesanan politik, meningkatkan kualiti kehidupan komuniti dan keadilan sosial (Burns et al. 2004; Kelly & Vlaenderen, 1995). Keperkasaan amat penting dalam menentukan kejayaan penyertaan komuniti (Asnarulkhadi & Fariborz, 2010; Friedmann, 1992). Tahap keperkasaan mempunyai perkaitan dengan tahap penyertaan yang dilakukan oleh komuniti serta kuasa dalam membuat keputusan. Hal ini menunjukkan keperkasaan merupakan hasil kepada penyertaan (Touwen, 1996; Friedmann, 1992). Aspek keperkasaan yang dialami oleh komuniti yang terlibat dalam program pembangunan boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian yang mana antaranya melibatkan aspek psikologi, ekonomi, politik dan sosial (Kalsom & Nor Ashikin, 2006; Haslina & Regina, 2009; Touwen, 1996). Menurut analisis hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik, terdapat beberapa persamaan dengan hasil kajian lepas, namun begitu terdapat juga beberapa perbezaan hasil kajian yang diperolehi melibatkan jenis keperkasaan dalam kalangan komuniti Bidayuh daerah Serian yang menjalankan penanaman tanaman kelapa sawit.

**Jadual 1. Jenis-jenis keperkasaan pekebun kecil komuniti Bidayuh luar bandar**

Keperkasaan Dalaman	Keperkasaan Luaran
Emosi	Teknikal
Fizikal	Berkomunikasi
Intelektual	Pemasaran

*Keperkasaan dalaman individu*

Penyertaan para informan dalam aktiviti penanaman tanaman kelapa sawit telah menyebabkan wujudnya keperkasaan dalaman individu dari segi emosi, intelektual dan jasmani (sila lihat jadual 1). Keperkasaan emosi merujuk kepada keperkasaan dari segi keyakinan diri, etika dan tabah dalam menghadapi harga kelapa sawit yang tidak menentu dalam pasaran. Manakala keperkasaan intelektual pula adalah melibatkan kemahiran berfikir, kemahiran mengira, membaca dan menulis khususnya dalam aspek yang bersifat teknikal serta kemahiran dalam menyelesaikan masalah apabila berhadapan masalah pengangkutan dan ketidakpastian harga di pasaran. Seterusnya, keperkasaan jasmani merujuk kepada penjagaan badan, kebersihan, keselamatan dan pemantapan tahap fizikal bermula dari proses menanam, penjagaan kawasan kebun, penuaian hasil dan penjualan. Aspek yang sama turut dinyatakan dalam kajian lepas melibatkan isu keperkasaan bukan material yang mempunyai persamaan dengan hasil yang diperolehi oleh penyelidik sebelum ini namun dalam istilah yang berbeza (Scottish, 2009; Kasmel dan Anderson, 2011; Lavers, 2008). Keperkasaan bukan material berlaku apabila tahap keyakinan diri komuniti yang menyertai projek pembangunan meningkat yang mana hal ini menyebabkan mereka berusaha untuk meningkatkan pengetahuan serta mencari peluang latihan. Keperkasaan individu yang dialami oleh para informan merupakan keyakinan diri (Lavers, 2008). Keyakinan diri yang tinggi yang wujud dalam kalangan komuniti yang menyertai program pembangunan akan memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih dan bertindak yang mana hal ini disebabkan oleh keinginan mereka untuk mencapai perubahan (Hoque & Itohara, 2009; Touwen, 1996). Para informan yang menjalankan penanaman tanaman kelapa sawit telah mengalami perubahan dalam tiga aspek iaitu fizikal, emosi dan intelektual yang semakin meningkat. Hal ini berikutan mereka terpaksa berurusan dengan pihak MPOB untuk mendapatkan bantuan serta maklumat yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam soal penjagaan serta kaedah penanaman tanaman sawit. Ketiga-tiga aspek keperkasaan dalam ini muncul berikutan wujudnya kuasa untuk menuntut hak yang sepatutnya menjadi milik mereka. Kuasa ini memberi kebebasan kepada komuniti untuk memilih dan bertindak berpandukan keinginan untuk mencapai perubahan (Eyben et al., 2008).

Majoriti informan menyatakan sebelum mereka menjalankan penanaman tanaman sawit, mereka tidak pernah berurusan dengan pihak pentadbir malahan sebelum ini mereka tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan MPOB serta peranannya. Terdapat informan yang dipertanggungjawabkan oleh rakan-rakan yang lain untuk menjadi wakil untuk berurusan dengan pihak MPOB seperti melibatkan urusan surat menyurat rasmi, mendapatkan borang permohonan untuk membuat lesen, skim bantuan serta untuk menyertai kursus yang dianjurkan oleh pihak MPOB. Hal ini diperakui oleh para informan antaranya R2, R7, R8, R9 dan R10 yang sebelum ini tidak pernah terlibat sebarang urusan dengan pihak MPOB namun setelah menjalankan penanaman tanaman sawit, mereka banyak berurusan dengan pihak MPOB antaranya permohonan untuk mendapatkan lesen, menyertai kursus yang dianjurkan oleh pihak MPOB di dewan masyarakat Serian serta memohon skim bantuan anak pokok sawit, subsidi baja serta dana untuk membuat jalan ke kebun sawit yang mana urusan ini dilakukan sendiri oleh informan R10 dari Kampung Mentu Pondok. Penanam tanaman sawit perlu berurusan dengan pihak MPOB berikutan mereka perlu membuat lesen untuk membolehkan mereka menjual hasil tanaman yang diperolehi. Selain itu juga, terdapat juga urusan yang melibatkan komuniti Bidayuh dengan pihak MPOB apabila mereka ingin mendapatkan maklumat berkenaan kaedah penjagaan serta menanam tanaman sawit serta mendapatkan skim bantuan baja dan racun. Hal ini secara langsung telah meningkatkan keyakinan diri dan mengakhiri rasa malu dalam kalangan komuniti Bidayuh untuk berurusan dengan pihak pentadbir.

Untuk mengusahakan tanaman sawit, para informan atau komuniti Bidayuh memerlukan keyakinan diri yang tinggi. Hal ini berikutan mereka perlu berhadapan atau berurusan dengan pihak pegawai MPOB dalam mendapatkan khidmat nasihat serta bantuan kewangan. Selain itu, mereka turut memerlukan keyakinan diri yang tinggi dalam soal mengubah corak pertanian yang sebelum ini melibatkan tanaman tradisional iaitu padi dan lada hitam, sistem pengurusan tanaman tradisional dengan tanaman komoditi sangat jauh berbeza. Hal ini berikutan kerana apabila menjalankan penanaman tanaman kelapa sawit ini, memerlukan ilmu dalam soal tanaman, kaedah penanaman, cara menguruskan tanaman serta ilmu pengurusan kewangan sama ada soal kitaran modal, gaji para pekerja, alatan, pengangkutan dan sebagainya. Tanaman kelapa sawit bukan sahaja meningkatkan pendapatan para informan serta komuniti Bidayuh daerah Serian yang menanam tanaman ini malahan penanaman tanaman kelapa sawit turut mengubah sistem pengurusan tanaman tradisional yang diwarisi secara tradisi kepada bentuk pengurusan yang lebih sistematik dengan menghasilkan mobiliti sosial atau perubahan sosial dalam kalangan komuniti Bidayuh.

#### *Keperkasaan luaran melalui kemahiran dan nilai tambah dalam aspek teknikal*

Selain keperkasaan dalaman yang melibatkan keperkasaan individu itu sendiri iaitu keyakinan diri dengan melibatkan diri dalam program pembangunan, berurusan dengan pihak pentadbir serta berani melakukan perubahan dengan menjalankan penanaman luar daripada tradisi komuniti Bidayuh, keperkasaan luaran dari aspek teknikal atau melibatkan kemahiran memahami bahasa teknikal turut telah mengubah kualiti hidup komuniti Bidayuh yang menjalankan penanaman tanaman kelapa sawit di Daerah Serian. Melalui kursus serta perjumpaan yang diadakan oleh pihak MPOB dalam memperkenalkan serta memberi maklumat berkenaan tanaman kelapa sawit kepada komuniti Bidayuh yang berminat dalam menjalankan penanaman tanaman komoditi ini telah menambah maklumat serta meningkatkan kemahiran mereka. Kemahiran teknikal yang dimiliki oleh para informan hasil perkongsian maklumat sama ada daripada pihak MPOB atau rakan-rakan telah membantu dalam memperkasakan para informan. Maklumat yang diperolehi digunakan dalam menjalankan penanaman tanaman sawit serta menguruskan kebun sawit dengan penuh yakin yang mana secara langsung memberi kesan kepada peningkatan taraf hidup, meningkatkan keyakinan diri mereka dalam membuat keputusan serta mengubah corak pemikiran para petani yang menjalankan penanaman sawit iaitu lebih bersifat komersil dan lebih terbuka dalam menerima perubahan untuk kesejahteraan hidup mereka.

Keperkasaan teknikal dialami oleh informan melalui perkongsian maklumat daripada pihak MPOB serta rakan-rakan secara langsung telah meningkatkan ilmu pengetahuan para informan berkenaan tanaman sawit yang dimanfaatkan untuk mengubah taraf hidup mereka. Penyertaan yang berkesan boleh berlaku setelah penduduk diperkasakan melalui latihan, perkongsian maklumat dan perbincangan (Scottish, 2009; Kasmel & Anderson, 2011) yang mana perkongsian maklumat yang diberikan oleh pihak MPOB melalui ceramah dan kursus yang diadakan merupakan keperkasaan teknikal yang diberikan. Majoriti informan mendapat maklumat asas berkenaan tanaman sawit, kaedah menjalankan penanaman tanaman sawit serta menguruskan kebun dengan baik diperolehi daripada pihak MPOB, namun terdapat juga para informan yang mendapat maklumat hasil pengalaman bekerja dengan pihak SALCRA (Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak) serta perkongsian maklumat daripada rakan-rakan yang pernah bekerja dengan pihak SALCRA. Hal ini dinyatakan oleh informan R2, R3, R6, R7, R8, R9 dan R10.

Daripada tujuh orang informan yang menyentuh soal keperkasaan teknikal yang dialami, hanya dua orang informan sahaja yang menyatakan mereka mendapat maklumat berkenaan kaedah penanaman tanaman sawit serta cara menguruskan kebun sawit hasil perkongsian maklumat daripada rakan-rakan yang menjalankan penanaman tanaman sawit terlebih dahulu sebaliknya selebihnya menyatakan mereka mendapat maklumat hasil perkongsian maklumat daripada pihak MPOB melalui ceramah serta kursus yang dianjurkan. Maklumat asas serta teknikal berkenaan tanaman sawit dan kaedah penanaman yang diterima oleh para informan bukan sahaja diaplikasikan untuk meningkatkan taraf ekonomi keluarga komuniti Bidayuh luar bandar namun turut dijadikan sebagai alat untuk meningkatkan keupayaan untuk

pembangunan sendiri atau keyakinan diri para petani. Menurut para informan R2, R3, R6, R7 dan R8 mereka mendapat maklumat asas berkenaan tanaman sawit ini melalui ceramah atau perjumpaan yang dianjurkan oleh pihak MPOB yang diadakan di dewan masyarakat kampung masing-masing. Dalam ceramah atau perjumpaan yang diadakan, pegawai MPOB memberi maklumat berkenaan jenis tanah yang sesuai untuk menjalankan penanaman komoditi ini, hasil yang dikeluarkan, jenis benih, kaedah penggunaan racun dan baja serta anak syarikat yang disyorkan untuk mendapatkan biji benih dan keperluan asas pertanian.

#### *Keperkasaaan luaran iaitu aspek kemahiran berkomunikasi*

Selain mengalami keperkasaaan teknikal yang telah meningkatkan pengetahuan serta keyakinan diri para komuniti Bidayuh, keperkasaaan luaran dari segi peningkatan dalam kemahiran berkomunikasi turut dialami oleh para informan dalam kajian ini. Berdasarkan kajian lepas, aspek keperkasaaan sosial mempunyai persamaan dengan hasil dapatan yang diperolehi oleh penyelidik namun keperkasaaan sosial yang dinyatakan dalam kajian lepas terlalu umum. Hal ini berikutan dalam kajian lepas, keperkasaaan sosial menunjukkan keperkasaaan yang melibatkan perpaduan dan hubungan dalam komuniti yang lebih erat berikutan kerjasama penduduk setempat dalam memastikan kejayaan pembangunan yang dijalankan serta sebahagian pulangan yang diperolehi digunakan untuk pembangunan komuniti bersama (Haslina & Regina, 2009, Lely, 2013). Melalui hasil kajian ini, keperkasaaan komunikasi wujud dalam kalangan para informan yang menjalankan aktiviti penanaman tanaman sawit berikutan mereka perlu berhubung dengan pihak luar atau pihak pentadbir untuk mendapatkan maklumat berkenaan tanaman ini atau berkenaan dengan bantuan yang diberikan oleh pihak MPOB. Selain itu, mereka juga boleh berhubung dengan individu yang telah menjalankan aktiviti penanaman sawit untuk mendapatkan nasihat serta saranan berkenaan dengan bekalan yang boleh diperolehi untuk mendapatkan baja, racun, alatan serta biji benih sawit yang bagus. Hubungan melalui komunikasi yang wujud antara para petani sawit dengan pihak pentadbir, pihak pembekal atau komuniti setempat secara langsung dilihat meningkatkan keperkasaaan para petani untuk terus kekal menjalankan penanaman sawit walau perlu berhadapan dengan pelbagai masalah.

Melalui perhubungan para petani sawit dengan pihak MPOB, mereka mendapat maklumat, khidmat nasihat serta bantuan dengan mudah, dan hal ini amat diperlukan oleh para petani komuniti Bidayuh yang masih baru dalam aktiviti ini serta memerlukan modal permulaan yang agak besar. Hal ini secara langsung membantu komuniti Bidayuh dengan lebih mudah dalam meningkatkan keyakinan diri, ilmu pengetahuan serta taraf ekonomi yang memberi impak kepada peningkatan kualiti hidup mereka. Keperkasaaan komunikasi berlaku setelah para informan atau petani sawit berusaha mendapatkan bantuan dan maklumat daripada pihak MPOB atau individu yang telah menjalankan penanaman sawit. Hal ini memudahkan mereka dalam menjalankan aktiviti penanaman sawit serta menguruskan kebun dan kewangan. Hal ini turut membantu para petani dalam mewujudkan jaringan sosial yang baik yang mana secara langsung membantu para petani sawit untuk memasarkan hasil sawit yang diperolehi dengan lebih mudah. Hal ini dialami sendiri oleh beberapa orang informan yang mempunyai hubungan yang baik dengan pihak pentadbir serta jaringan sosial yang baik dengan pelbagai pihak dan individu, hal ini menjadi batu loncatan kepada mereka dalam mendapatkan bekalan, maklumat serta untuk memasarkan hasil dengan mudah. Informan R2, R6, R8, R9 dan R10 merupakan mereka yang mengalami keperkasaaan komunikasi melalui hubungan yang wujud sama ada dengan pihak MPOB, individu lain yang telah menjalankan penanaman sawit serta syarikat yang membekalkan barangan keperluan untuk tanaman sawit serta alatan.

Informan R2:

*“.....maklumat berkenaan kaedah penanaman saya terima hasil bekerja dengan pihak SALCRA serta tunjuk ajar daripada suami. Suami saya memperoleh maklumat berkenaan kaedah penanaman sawit kerana pernah menyertai seminar serta kursus yang dianjurkan oleh pihak MPOB dalam memberi maklumat berkenaan tanaman sawit, kaedah penjagaan dan sebagainya.*



*Suami juga turut menyertai mesyuarat yang dianjurkan setelah selesai kursus yang disertai. Mempunyai pengalaman dengan pihak MPOB menyebabkan suami saya dipertanggungjawabkan oleh beberapa orang rakannya untuk menjadi ketua dalam menguruskan permohonan bantuan secara berkelompok yang diberikan oleh pihak MPOB. Dalam pada masa yang sama, suami turut mendapatkan maklumat tambahan berkenaan tanaman sawit daripada rakan beliau yang bekerja di Jabatan Pertanian berkenaan jenis baja, racun serta kaedah penanaman secara lebih terperinci.”*

Hal yang sama turut dialami oleh informan R6 dari Kampung Tebedu Mawang yang mana mendapat maklumat berkenaan kaedah menanam biji benih sawit, jarak antara setiap anak pokok, kaedah menguruskan kebun sawit, meracun rumput dan menebas merupakan maklumat yang diperoleh setelah menyertai ceramah yang dijalankan oleh pihak MPOB. Dalam pada masa yang sama, komunikasi atau perhubungan turut wujud antara informan dengan pihak MPOB apabila informan membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan biji benih sawit. Informan dan suami turut memohon untuk mendapatkan bantuan Skim Tanaman Baru daripada pihak MPOB sebelum memulakan aktiviti penanaman sawit namun masih belum mendapat sebarang maklum balas. Namun begitu, keberkesanan komunikasi berlaku setelah informan dan suami mula berminat melakukan penanaman tanaman sawit dengan menyertai ceramah yang dianjurkan serta permohonan bantuan yang dalam usaha untuk diperoleh.

#### *Keperkesaan dalam kemahiran pemasaran*

Para informan turut mengalami keberkesanan dalam aspek pemasaran. Hal ini berikutan kerana bagi informan yang telah memperoleh hasil tanaman sawit, pastinya mereka perlu memilih syarikat atau kilang yang menawarkan harga yang memuaskan. Hal ini mempengaruhi jumlah pendapatan yang bakal diperoleh oleh informan. Sebelum membolehkan para informan memasarkan hasil buah sawit mereka, informan terlebih dahulu perlu memiliki lesen yang dikeluarkan dan diluluskan oleh pihak MPOB. Terdapat beberapa orang informan yang memilih memasarkan hasil tanaman sawit mereka kepada syarikat persendirian namun terdapat juga yang menjual hasil buah sawit kepada kilang-kilang yang bertanggungjawab memproses hasil buah sawit. Informan R8, R9 dan R10 antara beberapa orang informan yang mengalami keberkesanan pemasaran yang mana mereka telah menjalankan aktiviti penanaman tanaman sawit melebihi empat tahun, tanaman sawit yang ditanam telah mengeluarkan hasil dan mereka telah menjualkan hasil tanaman mereka kepada agensi atau kilang yang dipercayai.

Informan R8:

*“Hasil yang diperoleh hanya satu bulan sekali. Menanam pokok sawit lebih mudah jika dibandingkan dengan menanam lada kerana lebih mudah mengumpul hasil walaupun buah sawit telah jatuh ke tanah. Hasil buah sawit saya jual kepada pihak SALCRA. Pada awalnya, saya hanya mendapat hasil sebanyak 500 kg namun sekarang jumlah semakin meningkat kepada 2 tan lebih terutama pada musim buah lebat namun jika bukan musim buah, hanya mendapat 800 kg hingga 1 tan.”*

Para informan bukan sahaja memerlukan maklumat teknikal dalam menanam dan mengurus tanaman serta hubungan komunikasi yang baik antara petani sawit dengan agensi kerajaan untuk mendapatkan nasihat serta bantuan namun mereka juga perlu membuat perancangan yang rapi dalam soal menguruskan hasil sawit dan aspek pemasaran hasil tanaman ini. Bagi informan R8, beliau hanya memperoleh hasil sebulan sekali dan hasil buah sawit yang diperoleh dijual kepada pihak SALCRA dengan membawa buah sawit ke kilang SALCRA dengan menyewa lori daripada kenalan yang rapat. Informan memilih menjual hasil sawit kepada pihak SALCRA ekoran menerima banyak informasi berkenaan kaedah penjagaan serta penanaman sawit hasil pengalaman pasangan serta rakan-rakan yang pernah bekerja dengan pihak SALCRA. Selain itu, harga pasaran sawit yang ditawarkan oleh pihak SALCRA lebih tetap jika dibandingkan dengan syarikat persendirian yang lebih memikirkan soal keuntungan. Hal yang sama turut

dilakukan oleh informan R9 dan R10 yang mana berasal dari Kampung Mujat dan Kampung Mentu Pondok yang mana mereka turut memilih untuk menjual hasil tanaman sawit kepada pihak SALCRA. Menurut informan R9, beliau telah mula menanam tanaman sawit selama tiga tahun enam bulan serta telah mendapat hasil buah sawit sebanyak lima kali dan kesemua hasil yang diperolehi dijual kepada pihak SALCRA.

## Kesimpulan

Terdapat dua rumusan yang boleh dibuat berdasarkan dapatan kajian ini. Kesimpulan yang pertama ialah jenis keperkasaan yang dikonstruksi oleh komuniti Bidayuh luar bandar yang terlibat sebagai peserta dalam program MPOB boleh dibahagikan kepada dua jenis yang utama iaitu keperkasaan dalaman dan keperkasaan luaran. Kedua-dua jenis keperkasaan ini dilihat sebagai keperkasaan yang sudah sedia ada atau keperkasaan semula jadi yang dimiliki oleh komuniti Bidayuh itu sendiri dan keperkasaan yang dicipta dan diserapkan secara bersama antara struktur dan agen. Hal ini selari dengan komen yang dikemukakan oleh Touwen (1996) dan Lavers (2008) yang menyatakan bahawa keperkasaan individu bukanlah keperkasaan mutlak kerana ia terbina hasil daripada gabungan ideal konstruktif antara agensi dan komuniti. Konstruktif komuniti lokal dan konstruktif saintifik agensi haruslah digabungkan bagi menghasilkan konstruktif yang mewakili kedua-dua belah pihak ini. Peranan agensi dan organisasi hanyalah sebagai fasilitator dalam struktur iaitu membantu memberi input, ruang, mencipta keadaan, menghapuskan halangan dan menggalakkan usaha memperkasakan individu secara dalaman melalui proses penyertaan bersama antara struktur dan agensi.

Rumusan yang kedua ialah MPOB hanya berperanan sebagai agen dalam memperkasakan komuniti Bidayuh luar bandar dalam satu struktur dan struktur ini dikawal oleh agensi melalui pendekatan atas ke bawah. Strategi ini bukanlah merupakan perkara yang baru, memandangkan dalam strategi pembangunan luar bandar agensi pembangunan dan organisasi lazimnya cuba untuk memperkasakan orang atau individu tanpa mengetahui apakah bentuk keperkasaan yang sudah sedia ada dalam individu atau orang tersebut dan adakah input yang disalurkan itu selari dengan keperluan orang atau individu tersebut. Walaupun begitu, perkara asas yang perlu diselesaikan antara agensi dan struktur ialah individu atau komuniti tidak boleh diperkasakan dari luar. Individu dan komuniti ini hanya boleh diperkasakan oleh diri mereka sendiri dan juga gabungan antara agensi dan struktur..

## Penghargaan

Kajian ini disokong oleh Kursi Endowmen MPOB-UKM di bawah Geran MPOB-UKM-2013-004 yang telah membolehkan kajian ini dijalankan dengan jayanya.

## Rujukan

- Asnarulkhadi AS, Fariborz Aref (2010) The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in processes of community development in Malaysia. *Journal of American Science* 7(2).
- Asnarulkhadi AS, Fariborz Aref (2009a) Empowerment as an approach for community development in Malaysia. *World Rural Observation* 1(2), 63-68.
- Asnarulkhadi AS, Fariborz Aref (2009b) People's participation in community development: A case study in a planned village settlement in Malaysia. *World Rural Observation* 1(2), 45-54.
- Blaikie N (2000) *Designing Social Research: The Logic of Anticipation*. Polity Press, Cambridge.
- Burns, Danny et al. (2004) *Making Community Participation Meaningful: A Handbook for Development and Assessment*. The Polity Press, Cambridge.

- Chegini MG (2010) Study of relation of psychological factors of empowerment and entrepreneurship. *American Journal of Economic Business Administration* 2, 86-89. DOI:10.3844/ajebasp.2010.86.89.
- Craig Gary, Mayo Marjorie (1995) *Community Empowerment*. Zed Books Press, London.
- Eyben, Rosalind et al. (2008) *Conceptualising Empowerment and the Implications for Pro Poor Growth*. Zed Books Press, London.
- Friedmann J (1992) *Empowerment. The politics of an alternative development*. Basil Blackwell, Oxford.
- Giddens A (1991) *Modernity and self-identity. Self and society in the late modern age*. Polity Press, Cambridge.
- Haslina Hashim, Regina Garai Abdullah (2009) *Penglibatan Komuniti dalam Program Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hoque M, Itoharu Y (2009) Women empowerment through participation in micro-credit programme: A case study from Bangladesh. *J. Soc. Sci.* 5, 244-250. DOI: 10.3844/jssp.2009.244.250.
- Kalsom Kayat, Nor Ashikin Mohd. Nor (2006). *Penglibatan Ahli Komuniti dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay di Kedah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kasmel Anu, Anderson Pernille Tanggard (2011) Measurement of community empowerment in three community programs in Rapla (Estonia). *International Journal of Environment Research and Public Health* 8, 799-817.
- Kelly K, Vlaenderen (1995) *Evaluating Participation Process in Community Development*. Rhodes University.
- Lavers T (2008) Reconciling the needs and wants of respondents in two rural Ethiopian communities. *Soc. Indicators Res.* 86, 129-147. DOI: 10.1007/s11205-007-9110-x.
- Lely IM (2013) *Pemeriksaan Wanita Pekerja Rumah Tangga (PKT) Indonesia: Kajian di Lembah Klang*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Lyndon N, Moorthy R, Er AC, Selvadurai S (2011) Native understanding of participation and empowerment in community development. *Journal of Social Science* 7(4), 643-648.
- Lyndon N, Er AC, Selvadurai S, Mohd. Fuad MJ, Mohd Yusof Hussain, Junaidi AB (2012) Bidayuh world view on participation and empowerment in community development. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6(1), 10-18.
- Malaysian Palm Oil Board (MPOB) (2015) *Review of the Malaysian oil palm industry*. Available from: <https://www.mpob.gov.my>.
- Rahman HM, Naoroze K (2007) Women empowerment through participation in aquaculture: Experience of a large-scale technology demonstration project in Bangladesh. *J. Soc. Sci.* 3, 164-171. DOI: 10.3844/jssp.2007.164.171.
- Touwen A (1996) *Gender and development in Zambia. Empowerment of women through local non-governmental organisations*. University of Groningen, Eburon Publisher
- Rahim MS, Asnarulhadi Abu Samah (2012) Community development through community capacity building: A social science perspective. *Journal of American Science* 6 (2), 68-76.
- Scottish A (2009) *Community Scottish Community Empowerment Action Plan Celebrating Success: Inspiring Change*. Edinburgh, Scottish.